

**NOTA MAKLUMAN**  
**MENGENAI**  
**KEJADIAN KEBAKARAN PREMIS YANG DITETAPKAN**  
**(BUANGAN TERJADUAL) IAITU LEGENDA BUMIMAS SDN. BHD.**  
**DI LOT 2, JALAN 3, INDUSTRIAL ZONE 3, KOTA KINABALU**  
**INDUSTRIAL PARK, SABAH**  
**PADA**  
**28 NOVEMBER 2025**  
**(KEMASKINI PADA 2 DISEMBER 2025)**

**TUJUAN**

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan perkara di atas.

**LATAR BELAKANG**

2. JAS telah menerima maklumat kebakaran Premis Legenda Bumimas Sdn. Bhd. (Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual) daripada pemilik premis tersebut pada jam 7.00 malam, 28 November 2025.

3. Premis telah dilesenkan oleh JAS bagi aktiviti penstoran luar tapak, kemudahan pemerolehan kembali dan juga pengangkutan buangan terjadual. Sejumlah 17 jenis buangan terjadual yang di

proses untuk pemerolehan kembali minyak dan antaranya ialah *Spent Lubricating Oil* (SW305) dan *Waste Oil or Oily Sludge* (SW311). Premis mempunyai semua 26 jenis buangan terjadual yang dilesen untuk penstoran luar tapak ini.

## **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

### **Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 28 November 2025**

4. Pegawai penyiasat JAS telah ke lokasi kejadian pada jam 8.00 malam, 28 November 2025 dan operasi pemadaman masih dilakukan oleh pihak BOMBA. Punca kebakaran masih belum dapat dikenal pasti.
5. Pihak Polis telah menubuhkan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTKK) dan laluan masuk ke premis Legenda Bumimas Sdn. Bhd. telah ditutup oleh pihak PDRM dan BOMBA atas faktor keselamatan.
6. JAS dimaklumkan, kebakaran berlaku pada jam 6.40 petang, 28 November 2025 dan pihak premis telah mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP). Walau bagaimanapun kebakaran merebak dengan pantas dan tidak mampu dikawal oleh pasukan tindakan kecemasan.
7. Tiada persampelan dapat dijalankan berikutan nasihat pihak BOMBA untuk tidak memasuki kawasan kebakaran atas faktor keselamatan.

## **Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 29 November 2025**

8. Siasatan susulan pada jam 11.00 pagi, 29 November 2025 mendapati kawasan premis masih terbakar. Kebakaran telah berjaya dipadam sepenuhnya pada petang dan operasi pihak BOMBA ditamatkan pada jam 8.00 malam, 29 November 2025.

9. Pihak premis telah menjalankan operasi pemindahan buangan terjadual yang terdapat di dalam premis untuk dipindahkan ke premis Legenda Bumimas Sdn Bhd, Lot 1, Industrial Zone 13 yang tidak terlibat dengan kebakaran. Sejumlah 20,000 liter tumpahan telah berjaya dipindahkan dan mengelak daripada terus memasuki parit air hujan.

10. Terdapat tumpahan buangan terjadual (minyak) kesan daripada kebakaran dan operasi pemadaman di sepanjang parit air hujan yang mengalir ke kolam takungan banjir (*retention pond*) Kota Kinabalu Industrial Park. Pihak premis telah mengerakkan pasukan tindakan kecemasan untuk memasang *oil boom* dan *absorbent pad* di sepanjang parit. Aliran buangan terjadual (minyak) telah berjaya dikawal dan operasi pembersihan minyak yang memasuki parit air hujan dan kolam takungan banjir telah mula dijalankan.

11. Tiada tumpahan memasuki sungai berhampiran iaitu Sungai Lengkibing. Pihak premis telah memasang *oil boom* di laluan aliran masuk dan aliran keluar kolam takungan banjir. *Absorbent pad* turut dipasang untuk mengawal aliran minyak memasuki Sungai Lengkibing.

## **Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 30 November 2025**

12. Pihak BOMBA memaklumkan berlaku letupan pada jam 08.39 pagi 30 November 2025. Kawasan premis dan sekitarnya telah ditutup atas faktor keselamatan.

13. Pihak premis telah melantik syarikat PIMMAG (Labuan) untuk mengendalikan operasi pembersihan tumpahan buangan terjadual di kolam takungan banjir. Operasi pembersihan akan bermula pada 1 Disember 2025 berikutan kekangan logistik. Buat sementara waktu, operasi pembersihan di sepanjang alur air diteruskan oleh pihak premis.

14. Pihak premis juga telah melantik syarikat OSH Global Sdn. Bhd. untuk menjalankan pengawasan kualiti udara. Tiga (3) peralatan telah dipasang di tiga (3) kawasan yang berbeza dalam radius 1 kilometer daripada premis. Cerapan data dilakukan dalam tempoh satu (1) jam pada waktu pagi dan satu (1) jam pada waktu malam.

15. Pihak JAS juga telah mendapat maklumat rasmi terdapat dua mangsa (jururunding) daripada negara China telah meninggal dunia semasa kebakaran berlaku pada 28 November 2025 daripada pihak BOMBA. Kedua-dua mangsa ditemui pada 29 November 2025.

16. Maklumat yang diperolehi, kebakaran berkemungkinan berpunca daripada kegagalan peralatan tolok tekanan (*pressure gauge*) di sistem *Rotary Reactor* bagi aktiviti pemerolehan kembali buangan terjadual. Tolok tekanan menunjukkan bacaan "0" dan ini menyebabkan kebocoran berlaku apabila tekanan terlalu tinggi dan seterusnya buangan terjadual (SW311) yang sedang melalui proses

pengolahan melimpah keluar dan terdedah kepada sumber api daripada pendawaian yang tidak sempurna. Walaubagaimanapun, laporan rasmi daripada pihak BOMBA masih belum diperolehi kerana masih dalam siasatan.

### **Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 1 Disember 2025**

17. Siasatan dan pemantauan diteruskan di kawasan premis yang terbakar dan mendapati aliran air yang tercemar dengan buangan terjadual masih lagi mengalir ke parit air hujan. Pihak BOMBA tidak membenarkan memasuki kawasan premis kerana masih dalam proses penyeyjukan peralatan ODS (*Oil Distillation System*).

18. Pihak premis masih menjalankan operasi pembersihan di sepanjang parit air hujan di luar kawasan premis.

19. Syarikat PIMMAG telah mengerakkan aset untuk operasi pembersihan di kolam takungan air Kota Kinabalu Industrial Park iaitu empat (4) unit dan dua (2) unit *skimmer* (2 unit) . Hanya sebanyak lebih kurang 5 meter padu buangan terjadual berjaya dipam sehingga jam 5.00 petang. *Solid fence boom* turut dipasang di kawasan kolam sebagai langkah kawalan tambahan. Sehingga 1 Disember 2025, jumlah keseluruhan peralatan yang digunakan untuk operasi pembersihan ialah enam (6) tanker, empat (4) set pam, dua (2) unit *delta head skimmer*, *solid fence boom* sepanjang 40 meter, satu (1) sampan dan beberapa *hose pipe*.

20. Untuk mempercepatkan proses pembersihan, pihak premis telah membuat pembelian peralatan pemampat udara (*air*

*compressor*) dan juga set janakuasa mudah alih (*mobile genset*) dan akan dihantar ke kawasan pembersihan pada 2 Disember 2025.

21. Sehingga jam 5.00 petang, syarikat OSH Global Sdn. Bhd telah melakukan tiga (3) persampelan udara di setiap kawasan yang telah dikenalpasti dan masih menunggu keputusan analisis. Pihak JAS telah mengarahkan premis untuk mengecilkan radius kawasan pengawasan udara dan menggunakan sistem pemantauan secara berterusan (*continuous monitoring*). Sehingga jam 7.00 malam, tiada aduan pencemaran udara diterima daripada orang awam. Pengawasan kualiti udara akan diteruskan berikutan suhu kawasan kebakaran masih tinggi iaitu 50<sup>0</sup>C dan berpotensi berlaku letupan susulan.

### **Tindakan Jabatan Alam Sekitar**

22. Pemantauan telah dilakukan di kawasan penduduk berhampiran dan kawasan sekitar lokasi kejadian bagi mengesan pencemaran udara dan air berikutan kejadian tersebut.

23. Peralatan CEREX untuk memantau kualiti udara telah dipasang di SMK Taman Ria. Walau bagaimanapun pemantauan tidak dapat dijalankan berikutan kerosakan pada alat tersebut. Pihak premis telah diarah dan bersetuju untuk memasang alat pengawasan udara di kawasan tersebut. JAS Sabah akan mendapatkan peralatan CEREX daripada JAS Labuan untuk tujuan pemantauan udara di kawasan sensitif yang berpotensi terkesan dengan kejadian tersebut dan untuk pemantauan udara semasa kerja-kerja pembersihan tapak.

24. Pasukan penyiasat turut membantu pihak BOMBA dalam membekalkan maklumat *thermal* melalui dron yang diterbangkan untuk mengenal pasti kawasan yang bersuhu tinggi. Data yang diperolehi digunakan oleh pihak BOMBA untuk perancangan dan kerja-kerja penyejukan.

25. Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan pada 29 November 2025 kepada pihak premis supaya:

- i. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di semua kawasan yang terkesan;
- ii. Menjalankan pemantauan kualiti udara ambien di kawasan berisiko dan kawasan yang berpotensi terkesan selama sekurang-kurangnya tiga (3) hari berturut-turut atau sehingga Jabatan Alam Sekitar berpuas hati tiada lagi kesan pencemaran berikutan kejadian tersebut. Parameter yang diwajibkan untuk dipantau termasuklah PM10, PM2.5, SO<sub>x</sub>, NO<sub>x</sub>, VOC dan PAHs. Pihak premis juga diarahkan untuk mengemukakan laporan harian kepada JAS;
- iii. Melupuskan semua buangan terjadual yang terhasil daripada kerja-kerja pembersihan, termasuklah sampah sarap di sepanjang alur air dan *retention pond*, seperti yang ditetapkan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;

- iv. Menjalankan pengawasan kualiti air meliputi semua alur air yang terjejas selama sekurang-kurangnya satu (1) minggu selepas kerja-kerja pembersihan selesai;
- v. Menghentikan serta-merta sebarang aktiviti penerimaan dan penstoran buangan terjadual bagi premis yang terbakar sehingga premis dibina semula dengan memenuhi keperluan kelulusan *Environmental Impact Assesment* (EIA), Kelulusan Bertulis (KB) dan syarat lesen; dan
- vi. Mengemukakan Laporan Kejadian Kebakaran (*Incident Fire Report*) yang lengkap dan terperinci termasuklah kronologi penuh kejadian, bermula dari masa sebelum kebakaran, masa kebakaran dikesan, tindakan yang diambil, kawalan awal dan langkah pemadaman.

26. Surat penggantungan lesen di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi aktiviti penstoran luar tapak, kemudahan pemerolehan kembali dan juga pengangkutan buangan terjadual bagi premis ini akan dikeluarkan pada 2 Disember 2025.

27. Mendapatkan laporan siasatan rasmi daripada pihak BOMBA untuk mengenalpasti punca kebakaran untuk tindakan lanjut.

28. Sampel air kolam takungan banjir Kota Kinabalu Industrial Park telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia pada 30 November 2025.

## **SYOR**

29. Disyorkan supaya lesen premis dibatalkan selepas penggantungan kerana kerosakan ke atas premis dikira sebagai *total lost* dan tidak mampu untuk menjalankan sebarang operasi berkaitan dengan pengangkutan, penstoran dan pemerolehan kembali buangan terjadual.

30. Disyorkan juga untuk menyah aktif akaun premis bagi lot ini dalam *Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)* versi 2 supaya tiada kekeliruan boleh berlaku di kalangan pengeluar buangan yang didaftarkan melalui *Total Waste Generator (TWG)* premis.

31. JAS akan menyediakan kertas siasatan untuk tindakan perundangan terhadap pihak premis Lagenda Bumimas Sdn. Bhd. sekiranya terdapat ketidakpatuhan yang menyebabkan kebakaran berlaku.

32. JAS akan meneruskan pemantauan pembersihan kawasan alur air dan kolam takungan yang terjejas dari semasa ke semasa serta memastikan peralatan pemantauan kualiti udara dipasang sepenuhnya untuk mendapatkan data pengawasan udara di lokasi yang dikenal pasti.

33. Notis Arahan tambahan seksyen 31 dan 37 akan dikeluarkan supaya premis membuat kerja-kerja pembersihan di kawasan kebakaran selepas di isytihar selamat oleh pihak BOMBA serta membuat kajian menyeluruh bagi memastikan kawasan premis selamat dan tidak mendatangi bahaya kepada orang awam selepas

semua kerja-kerja pembersihan dan pelupusan buangai terjadual selesai.

34. Pihak JAS akan sentiasa berhubung dengan pihak BOMBA mengenai status premis yang terbakar untuk membolehkan siasatan lebih menyeluruh dapat dijalankan.

## **PENUTUP**

35. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.


**JABATAN ALAM SEKITAR**

**2 Disember 2025**

**Gambar siasatan pada 28 November 2025**



Gambar 1: Lokasi premis Legenda Bumimas Sdn. Bhd. (LongLat: 6.108883643055969, 116.20090349271625)




Gambar 2: Lokasi premis yang terlibat kebakaran











Gambar 3 - 7: Keadaan kebakaran pada 28 November 2025



Gambar 8: Empat lokasi pemantauan berdasarkan arah angin semasa kebakaran

**Gambar Siasatan Pada 29 November 2025**





Gambar 9 - 11: Keadaan kebakaran pada 29 November 2025





Gambar 12 & 13: Keadaan longkang yang dicemari minyak



Gambar 14: Aliran alur air yang dicemari minyak

### Gambar Siasatan Pada 30 November 2025





Gambar 15 & 16: Pemasangan *oil boom* di kolam takungan banjir, KKIP




Gambar 17: Aliran minyak masuk ke kolam takungan banjir



Gambar 18: Aliran minyak yang disekat sampah sarap di kolam takungan banjir





Gambar 19 - 21: Tiga (3) lokasi pemasangan alat pengawasan udara bagi mengukur parameter PM10, PM2.5, SOx, NOx, VOC dan PAHs






Gambar 22 - 23 : Lokasi pemasangan *oil boom* dan persampelan di kolam takungan banjir Kota Kinabalu Industrial Park.



Gambar 24 : Lokasi pemasangan oil boom di sepanjang aliran yang tercemar (kuning) dan kawasan larangan akses oleh pihak BOMBA. (merah)



Gambar 25 : Maklumat *thermal* melalui penerbangan dron mengesan kawasan yang bersuhu tinggi di kawasan premis

### Gambar Siasatan Pada 1 Disember 2025



Gambar 26 : Pemasangan *solid fence boom* di kolam takungan banjir





Gambar 27 - 29: Operasi pengepaman air dicemari buangan terjadual daripada kolam takungan banjir ke tangki lori



Gambar 30: Perbincangan bersama pihak premis.